

Tujuan Pelantikan *Mushir* di Terengganu semasa Pemerintahan Sultan Zainal Abidin III

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 86-95

© The Author(s) 2025

e-ISSN: 2600-9080

<http://www.bitarajournal.com>

Received: 24 Jun 2025

Accepted: 14 July 2025

Published: 4 August 2025

[The Purpose of the Appointment of *Mushir* in Terengganu during the Reign of Sultan Zainal Abidin III]

Izziah Suryani Mat Resad¹

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: izziah@ukm.edu.my

*Corresponding Author: izziah@ukm.edu.my

Abstrak

Penempatan ejen British di Terengganu selepas Perjanjian Bangkok 1909 merupakan permulaan cengkaman kekuasaan British ke atas negeri tersebut. Keberadaan mereka dalam pentadbiran Terengganu membolehkan British mempunyai wakil mereka memerhati dan memantau perjalanan pemerintahan negeri tersebut. Sehingga 1916, ejen-ejen British sentiasa mendesak Sultan Zainal Abidin III dan para pembesar Terengganu melakukan pembaharuan dalam pemerintahan Terengganu. Sultan semakin menyedari ancaman British dan mencari jalan untuk mengelakkan mereka daripada menerima penjajahan British seperti yang berlaku di negeri-negeri Melayu yang lain. Justeru, baginda cuba mencari jalan supaya Kerajaan Terengganu tidak perlu tunduk kepada kehendak British dengan ‘meminjam’ seorang pegawai British yang berkhidmat dengan Kerajaan Terengganu. Pegawai British itu dikenali sebagai *Mushir* dalam pemerintahan negeri Terengganu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti tujuan Sultan Zainal Abidin III memohon pelantikan *Mushir* dan kedudukan serta peranan *Mushir* dalam pemerintahan Terengganu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian sejarah, manakala kaedah pengumpulan data pula menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati Sultan Zainal Abidin III berhasrat untuk meminjam seorang pegawai British supaya berkhidmat dengan Kerajaan Terengganu seperti yang pernah dilakukan oleh Kerajaan Johor bagi mengelakkan tekanan British yang semakin mengancam kemerdekaan Terengganu. Baginda berjaya meminjam seorang pegawai British, iaitu C.N. Maxwell yang kemudiannya dikenali sebagai *Mushir* dan berjaya mengelakkan campur tangan British dalam pemerintahan Terengganu sekurang-kurangnya sehingga kewafatan baginda pada tahun 1918. Disebabkan halangan yang terdapat dalam Undang-undang Tubuh bagi Diri Kerajaan Terengganu, pelantikan Maxwell sebagai *President of the State Council* tidak dapat dilakukan, sebaliknya pegawai British tersebut dilantik sebagai *Mushir* kepada Kerajaan Terengganu. Beliau berperanan sebagai penasihat kepada Sultan Zainal Abidin III untuk mengadakan pembaharuan dalam pemerintahan Terengganu. Namun, dengan kedudukannya sebagai *Mushir* atau penasihat, Sultan Zainal Abidin III tidak terikat untuk mematuhi ‘nasihatnya’ dalam pentadbiran Terengganu. Justeru, apabila pihak British mendapati ‘peminjaman’ Maxwell tidak memberikan hasil yang diharapkan oleh mereka, lantas perkhidmatan pegawai British tersebut telah ditamatkan.

Kata kunci: Pentadbiran di Terengganu, Sejarah Politik, *Mushir*, Pembaharuan Tadbir Urus, Sultan Zainal Abidin III

Abstract

The placement of British agents in Terengganu following the Bangkok Treaty of 1909 marked the beginning of British domination over the state. Their presence within Terengganu's administration enabled the British to install representatives who could observe and monitor the affairs of state

governance. Up until 1916, British agents persistently pressured Sultan Zainal Abidin III and the ruling elites of Terengganu to implement administrative reforms. The Sultan increasingly recognised the threat posed by British encroachment and sought ways to prevent Terengganu from succumbing to colonial rule, as had occurred in other Malay states. In response, Sultan Zainal Abidin III devised a strategy to preserve the sovereignty of Terengganu by ‘borrowing’ a British officer to serve under the Terengganu government. This officer was designated as a *Mushir* (advisor) within the state’s administrative framework. Accordingly, this study aims to examine the rationale behind the Sultan’s request for the appointment of a *Mushir*, as well as the position and role of the *Mushir* within the governance of Terengganu. This qualitative study adopts a historical approach, employing content analysis as the primary method of data collection. The findings reveal that Sultan Zainal Abidin III intended to replicate a precedent set by the Johor government, namely, the appointment of a British officer to serve locally, as a means of alleviating British pressure and protecting Terengganu’s independence. He succeeded in securing the services of C.N. Maxwell, a British officer who was subsequently known as the *Mushir*, effectively preventing direct British interference in the administration of Terengganu, at least until the Sultan’s death in 1918. Due to constitutional constraints stipulated in the Undang-undang Tubuh bagi Diri Kerajaan Terengganu (*Terengganu State Constitution*), Maxwell could not be appointed as ‘President of the State Council’. Instead, he was officially appointed as *Mushir* to the Terengganu government. In this capacity, he served as an advisor to Sultan Zainal Abidin III in matters of administrative reform. However, the advisory nature of his role meant that the Sultan was not bound to accept his recommendations. As such, when the British authorities realised that Maxwell’s secondment had failed to produce the intended outcomes, his service was subsequently terminated.

Keywords: Administration in Terengganu; Political History; *Mushir*; Governance Reforms; Sultan Zainal Abidin III



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Izziah Suryani Mat Resad. (2025). Tujuan pelantikan *Mushir* di Terengganu semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III [*The purpose of the appointment of Mushir in Terengganu during the reign of Sultan Zainal Abidin III (1757-1774)*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 86-95.

Pengenalan

Keengganan Sultan Zainal Abidin III menerima draf Perjanjian 1902 yang ditawarkan oleh Kerajaan Siam menyebabkan Siam tidak berjaya menempatkan penasihatnya di Terengganu. Hal ini memberi kelebihan kepada negeri Terengganu apabila pihak British hanya boleh menempatkan ejennya di Terengganu setelah Siam menyerahkan ketuanan mereka melalui Perjanjian 1909. Situasi ini juga memberi kebebasan kepada Sultan Terengganu untuk menghulur waktu dalam menyetujui ketetapan Perjanjian bangkok. Baginda hanya bersetuju secara rasmi untuk menandatangani perjanjian dengan pihak British pada 22 April 1910. Walaupun pihak British gagal mendapatkan persetujuan Sultan Zainal Abidin III untuk menandatangi perjanjian dengan Kerajaan British pada 24 Julai 1909, W.L. Conlay ditinggalkan di Terengganu untuk merundingkan perkara tersebut bagi pihak Kerajaan British. Justeru, Conlay telah berada di Kuala Terengganu menjalankan tugas beliau sebagai ejen

British memantau perkembangan di negeri berkenaan terutama yang berkaitan dengan kepentingan warga British berkaitan dengan konsesi sama ada untuk perlombongan ataupun pertanian (C.O. 273/350 1909). Dengan itu, sama ada kerajaan Terengganu menerima atau menolak perjanjian dengan British, kedudukan ejen British tidak terjejas kerana gajinya tidak dibayar oleh Kerajaan Terengganu.

Persetujuan Sultan Terengganu untuk menandatangani perjanjian menerima naungan kerajaan Great Britain hanyalah sekadar formaliti sahaja bagi pihak British. Perkara ini diakui sendiri oleh W.L. Conlay bahawa pihak British tidak begitu beria-ia untuk memaksa Sultan Terengganu menandatangani perjanjian kerana tidak ada yang begitu penting kecuali ‘kuasa’ daripada sultan kepada ejen British bagi membolehkan beliau membicarakan kes di mahkamah bersama seorang hakim Melayu dalam kes-kes yang berkaitan warga British. Beliau telahpun mendapat ‘kuasa’ tersebut pada bulan Disember 1909 (C.O. 273/360 1909), lama sebelum perjanjian antara kerajaan Terengganu dengan Kerajaan Great Britain dimeterai.

Perjanjian Inggeris-Terengganu berlaku pada 22 April 1910 di Singapura. Sultan Zainal Abidin III bagi pihak Kerajaan Terengganu dan Pesuruhjaya Tinggi British, Sir John Anderson bagi pihak Kerajaan Great Britain telah menurunkan tandatangan masing-masing memeterai perjanjian antara kedua pihak dalam dua salinan, bahasa Melayu dan Inggeris. Sir John Anderson menjelaskan salinan dalam bahasa Inggeris agak kurang tepat kerana terjemahan ke dalam bahasa Inggeris itu dilakukan dalam masa yang singkat daripada draf akhir yang diserahkan oleh Sultan Terengganu (C.O. 273/361 1910). Sultan Zainal Abidin III menerima ketetapan Perjanjian Bangkok dan menerima penempatan seorang pegawai British di negerinya. Persetujuan Sultan Zainal Abidin III untuk menandatangani perjanjian dengan pihak British menjadikan negeri Terengganu menerima naungan British. Seorang ejen British bertaraf pegawai konsular dilantik secara rasmi bertugas di Terengganu. Walaupun begitu, W.L. Conlay hanya bertugas di Terengganu sehingga 18 April 1910. Selepas itu, beliau digantikan oleh Walter D. Scott yang menjadi ejen British pertama dilantik bertugas di Terengganu selepas Perjanjian 1910 (C.O. 273/362 1910).

Tujuan Pelantikan *Mushir* dalam Pemerintahan Terengganu

Keberadaan Ejen British di Kuala Terengganu membolehkan beliau menjadi ‘mata dan telinga’ kepada pihak British untuk mengawasi perkara yang berlaku dalam pentadbiran Terengganu. Di samping itu, ejen British juga bertindak secara proaktif untuk menasihati Sultan Zainal Abidin III dan pembesar Terengganu melakukan pembaharuan dalam pentadbiran supaya negeri Terengganu mencapai kemajuan seperti negeri Melayu yang lain. Sultan Zainal Abidin III dan para pembesar menyedari tujuan pihak British dan mereka juga menyedari perkara yang berlaku di negeri Melayu yang lain. Sultan Zainal Abidin III menyaksikan keadaan pemerintahan Johor yang tidak menerima tekanan yang kuat daripada pihak British hasil daripada dasar yang dilaksanakan oleh Sultan Abu Bakar dan kemudiannya Sultan Ibrahim yang melakukan pembaratan ke atas pemerintahan Kerajaan Johor. Mereka juga mengadakan hubungan diplomatik dengan kuasa besar seperti Kerajaan British dan Kerajaan Uthmaniyyah (Ermy Azziaty et al. 2020).

Sultan Zainal Abidin III dan para pembesar Terengganu mengambil sikap berwaspada dengan ancaman British terhadap sistem pemerintahan dan kedaulatan Terengganu dengan keputusan Perjanjian Bangkok 1909. Justeru, mereka berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya. Pada 1911, baginda bersama pembesar Terengganu menggubal *Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk* sebagai perlumbagaan untuk melindungi negeri Terengganu daripada penguasaan kuasa luar (Nik Haslinda 2014). Penggubalannya dipengaruhi oleh penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor oleh Kerajaan Johor sebelum itu pada tahun 1895 (Hanif 2018). Dalam menangani kemaraan campur tangan British di Johor, Sultan Ibrahim masih mengambil pendekatan yang sangat berhati-hati. Sultan Ibrahim berusaha untuk menolak campur tangan British sepenuhnya dalam pemerintahan baginda. Apabila baginda berada dalam keadaan terpaksa menerima campur tangan British, baginda telah meletakkan beberapa syarat. Baginda hanya bersetuju menerima penasihat British pada 12 Mei 1914 setelah pihak British memberi jaminan bahawa pegawai British yang dilantik di negeri Johor adalah merupakan pegawai kerajaan Johor (Mohd Samsudin 2013).

Pembaharuan yang dilakukan oleh pemerintah Johor merupakan satu usaha untuk mengelakkan ancaman dan tekanan daripada pihak British dengan mewujudkan pemerintahan ala Barat (Ermy Azziaty et al. 2020). Sultan Zainal Abidin III mendapat inspirasi untuk melakukan perkara yang sama dalam pentadbiran Terengganu. Justeru, baginda mengambil inisiatif untuk melaksanakan hal tersebut bertujuan untuk melengahkan campur tangan British di negerinya. Pada peringkat ini, Sultan Terengganu didapati cuba melakukan perkara yang pernah dilaksanakan oleh kerajaan Johor, iaitu menggunakan perkhidmatan pegawai British dalam pemerintahan Terengganu. Pada September 1915, Sultan Zainal Abidin III membuat permohonan kepada Pesuruhjaya Tinggi British untuk mendapatkan seorang ‘pandai British’ supaya berkhidmat dengan Kerajaan Terengganu dalam usaha baginda mengadakan pembaharuan dalam pemerintahan negeri supaya selari dengan kehendak pihak British. C.N. Maxwell melaporkan Sultan Zainal Abidin III telah menerangkan perancangan baginda untuk membaiki pentadbiran negeri Terengganu kepada Pesuruhjaya Tinggi British. Baginda mengajukan permohonan untuk meminjam seorang pegawai British untuk berkhidmat dengan Kerajaan Terengganu dengan gajinya dibayar oleh Kerajaan Trengganu. Pegawai British yang dipinjam itu akan bertugas sebagai Ketua Mesyuarat Negeri (Suk. Tr., 2/1134; C.O. 273/428 1915) atau dalam rekod pegawai British disebut sebagai *President of the Terengganu State Council* (C.O. 273/428 1915; C.O. 840 1915). Bagaimanapun, Humphreys pernah menterjemahkannya sebagai *instructor of the State Council* (C.O. 273/444 1915).

Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Arthur Young berpendapat tindakan Sultan Zainal Abidin III memohon seorang pegawai British untuk membantu baginda mengadakan pembaharuan di Terengganu sebagai sesuatu yang berbeza. Ketika Sultan Melayu lain cuba menolak kehadiran pegawai British dalam negeri, Sultan Terengganu mengambil langkah memohon pinjaman seorang pegawai British untuk berkhidmat dalam pentadbiran baginda. Beliau melaporkan kepada Pejabat Tanah Jajahan bahawa dalam pertemuan beliau dengan Sultan Zainal Abidin III di Singapura pada 25 September 1915 bahawa Sultan Terengganu tersebut mengharapkan bantuan daripada pegawai British yang dipinjamkan oleh kerajaan British kepada kerajaan Terengganu untuk menambahkan lagi kemajuan dan kebijakan dalam negeri baginda. Pegawai British yang dipinjamkan ini akan menunjukkan bagaimana jabatan-jabatan dalam pentadbiran negeri berfungsi dan juga berperanan membantu Sultan memastikan

jabatan-jabatan ini ditadbir mengikut cara yang betul (C.O. 273/428 1915). Sir Arthur Young bersetuju meminjamkan C.N. Maxwell berkuat kuasa pada 8 Disember 1915 kepada Kerajaan Terengganu (C.O. 840 1915). Beliau menegaskan dengan penuh keyakinan kepada Pejabat Tanah Jajahan terhadap kebolehan yang dimiliki oleh C.N. Maxwell untuk mempengaruhi Sultan Zainal Abidin III supaya mengikut perancangan dan nasihat daripadanya. Beliau yakin bahawa dalam masa terdekat, Sultan Terengganu akan meminta lebih ramai lagi pegawai British untuk membantu baginda mentadbir pelbagai sektor dalam pentadbiran negeri Terengganu (C.O. 273/428 1915).

Sir Arthur Young menegaskan ia merupakan satu perkara yang agak ganjil apabila pelantikan ejen British di Terengganu masih diteruskan di samping pelantikan baru tersebut. Tetapi perkara ini diteruskan kerana pelantikan baru tersebut merupakan permintaan segera daripada pihak sultan. Beliau berharap penempatan dua pegawai British di Terengganu, iaitu ejen British dan *President of the State Council* akan membawa kepada pelantikan Penasihat British di Terengganu. Beliau mengharapkan kekurangan dalam pentadbiran di Terengganu dapat ditingkatkan apabila semakin ramai pegawai British dilantik untuk membantu pentadbiran Terengganu (C.O. 273/428 1915; C.O. 273/444 1915). Pada 8 Disember 1915, Sultan Zainal Abidin III secara rasmi menerima C.N. Maxwell sebagai *President of the State Council* disaksikan J.L. Humpreys dan W.G. Maxwell yang menyampaikan harapan Pesuruhjaya Tinggi British agar percubaan tersebut berjaya (C.O. 840 1915).

Inisiatif Sultan Zainal Abidin III untuk meminjam seorang pegawai British bagi memperbaiki jentera pemerintahan Terengganu supaya dapat seimbang dengan kehendak pihak British adalah bertujuan mengelakkan campurtangan British secara langsung dalam pentadbiran Terengganu. Baginda mahu mengelakkan campur tangan sepenuhnya British di negeri Terengganu seperti yang berlaku di negeri-negeri Melayu yang lain kerana hal boleh ini menyebabkan pemerintah Terengganu mesti menerima peraturan British. Keputusan untuk mendapatkan khidmat seorang pakar British untuk membantu kerajaan Terengganu mengadakan pembaharuan dalam pentadbiran negeri bukanlah merupakan satu keputusan yang dibuat secara tergesa-gesa. Akan tetapi, C.N. Maxwell mendakwa Sultan Zainal Abidin III memberitahu cadangan baginda untuk meminjam seorang pegawai British bagi membantu mengendalikan pentadbiran negeri ketika baginda bersendirian dengan ejen British, tanpa kehadiran para pembesar negeri. Beliau menyifatkan baginda bimbang untuk bertindak mengikut keputusan sendiri kerana takutkan pembesar-pembesar yang juga merupakan kerabat terdekat baginda (C.O. 273/428 1915).

Peranan *Mushir* dalam Pemerintahan Terengganu

Sultan Zainal Abidin III tidak menerima pelantikan C.N. Maxwell sebagai pegawai British yang dipinjamkan kepada Kerajaan Terengganu sehinggalah pihak British memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sendiri oleh baginda. Hal ini menunjukkan baginda dan pembesar telah merancang dengan teliti soal pinjaman pegawai British tersebut. Baginda menjadikan peruntukan dalam Undang-undang Tubuh Negeri Terengganu sebagai alasan untuk membataskan kuasa pegawai British yang dipinjamkan kepada kerajaan Terengganu. Baginda dengan tegas bertindak selaras dengan Undang-undang Tubuh apabila menghantar semula dua

pembesarnya, Tengku Chik dan Haji Ngah untuk membincangkan hal itu sekali lagi dengan Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura. Hal ini berlaku apabila baginda mendapati ada halangan dalam Undang-undang Tubuh Negeri Terengganu untuk melantik C.N. Maxwell sebagai *President of the State Council* (Suk. Tr., 2/1134 1334). C.N. Maxwell yang dipinjamkan kepada Kerajaan Terengganu tidak memenuhi kriteria untuk dilantik sebagai *President* atau Ketua Jemaah Mesyuarat Kerajaan. Pasal ke-39 menjelaskan syarat pelantikan ahli Mesyuarat Kerajaan, iaitu “Maka hendaklah dijadikan ahli Mesyuarat Kerajaan itu daripada rakyat Terengganu tetapi tiada disyaratkan semua mereka itu daripada yang beragama Islam dan bangsa Melayu”. Pelantikan ketua Mesyuarat pula diperuntukkan dalam pasal ke-38, iaitu “Maka hendaklah dijadikan ahli-ahli mesyuarat Kerajaan itu Menteri-menteri dan pegawai-pegawai, ketua-ketua atau lain-lainnya yang dijadikan oleh Raja dengan syor Jemaah Menteri daripada suatu masa kepada suatu masa, dan harus pula diambil seorang yang mempunyai ilmu dan kepandaian yang dapat mengeluarkan punca-punca peraturan negeri dan segala tadbir dan dijadikan dia ketua Mesyuarat iaitu lain daripada Menteri Besar (UTNT 1911). Dengan sebab dua peruntukan ini dalam UTNT, C.N. Maxwell tidak boleh dilantik sebagai Ketua Mesyuarat Kerajaan atau *President of the State Council* seperti yang dipersetujui di peringkat awal antara baginda dengan Sir Arthur Young. Hal ini menunjukkan ketelitian baginda dalam perancangan yang diambil oleh baginda untuk meminjam seorang ‘pandai British’ membantunya dalam pentadbiran Terengganu.

Sultan Zainal Abidin III tidak menerima pegawai tersebut tanpa terlebih dahulu menetapkan had dan sempadan bidang tugas pegawai British tersebut. Pelantikan C.N. Maxwell yang disebut dalam rekod British sebagai *President of the State Council* memberi satu pengertian sepintas lalu bahawa pegawai British ini memiliki satu bidang kuasa yang besar. Beliau dilantik sebagai ‘Ketua’ Mesyuarat Jemaah Negeri Terengganu. Sultan Zainal Abidin III dalam surat baginda kepada Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Arthur Young semasa merundingkan perkara tersebut dengan tegasnya menjelaskan, “...beta datang berjumpa dengan seri paduka sahabat beta di Singapura itu beta mintak pinjam seorang pandai yang boleh masuk di bawah undang-undang kerajaan Terengganu menjadi pegawai beta seperti orang Terengganu dan seri paduka sahabat beta pun sanggup hendak ikhtiarkan dengan seboleh-bolehnya. Maka sekarang dengan sebab tiada dapat sebagaimana persetujuan yang telah tetap antara beta dengan sahabat beta itu inilah beta menyuruhkan Tengku Chik dan Haji Ngah ini mengadap Seri Paduka sahabat beta kerana menerangkan hal itu serta memaklumkan maksud beta yang diharapkan bersetujuan juga kiranya dengan seri paduka sahabat beta” (Suk. Tr., 2/1134 1334).

Sebelum Sultan Zainal Abidin III menerima pelantikan tersebut, baginda memastikan pegawai British tersebut dipinjamkan kepadanya, iaitu ia akan berkhidmat sebagai pegawai kepada Kerajaan Terengganu, bukannya kepada Kerajaan British. Baginda telah memastikan pegawai British yang dipinjamkan kepada beliau itu boleh menjalankan peranan. Baginda enggan melantik C.N. Maxwell selagi pihak British tidak memenuhi syarat yang diajukan oleh baginda sehingga menyebabkan pelantikan pegawai British itu tergendala. Penangguhan pelantikan C.N. Maxwell sebagai Ketua Mesyuarat Kerajaan Terengganu melibatkan penangguhan pelantikan J.L. Humphreys sebagai ejen British yang baru. Walaupun Humphreys sudah dilantik pada 8 November 1915, tetapi disebabkan pelantikan Maxwell tertangguh sehingga 8 Disember 1915, lantas Humphreys dikira sebagai ejen British pada tarikh tersebut (Suk. Tr., 2/1134 1334). Pegawai British ini dikenali sebagai *Mushir* dalam kalangan Sultan

Terengganu dan para pembesarnya. Rekod semasa Kerajaan Terengganu menggelarkan C.N. Maxwell sebagai *Mushir* dan tiada catatan yang menggelarkannya sebagai pengurus atau ketua Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Suk. Tr., 2/1134 1334).

Dalam perjanjian antara Sultan Zainal Abidin III dengan C.N. Maxwell memperuntukkan bahawa ‘Kerajaan Terengganu menerima pinjam daripada Kerajaan British iaitu Maxwell akan menjadi Ketua Mesyuarat yakni *Mushir* ahli Mesyuarat Kerajaan Terengganu dengan mengikut undang-undang Kerajaan Terengganu’. Manakala Maxwell pula mengaku akan mengikut undang-undang Kerajaan Terengganu serta setia kepada raja dan Kerajaan Terengganu (Suk. Tr., 2/1134 1334). Penggunaan gelaran *Mushir* yang berasal daripada perkataan bahasa Arab bermaksud ‘penasihat’ (Madina 1973) atau pakar rujuk siasah (*al-Munjid fi al-Lughah wa al-'A'lam* 1986). Dalam Kabinet Rasulullah SAW, misalnya terdapat para Sahabat yang digelar sebagai *Mushir* atau penasihat Baginda dalam menjalankan pemerintahan terutama dalam urusan politik dan ketenteraan (Mazhar 1993) Dalam perjanjian tersebut jelas diperuntukan bahawa C.N. Maxwell merupakan *Mushir*, iaitu penasihat kepada ahli Mesyuarat Kerajaan Terengganu. Hal ini menunjukkan tujuan Sultan Zainal Abidin III meminjam seorang pegawai British untuk berkhidmat dalam pentadbiran Terengganu supaya dia boleh mengajar sistem pemerintahan British kepada baginda dan para pembesar Terengganu. Akan tetapi, Kerajaan Terengganu tidak wajib mengikut nasihatnya kerana pegawai tersebut merupakan penasihat yang berkhidmat dengan Kerajaan Terengganu.

Justeru, sistem British tidak akan diterima secara menyeluruh dalam sistem pentadbiran Terengganu, sebaliknya akan diubah suai supaya selaras kehendak syarak dan adat negeri Terengganu memandangkan Sultan Terengganu dan setiausaha sulitnya, Haji Ngah, iaitu pembesar yang paling dipercayainya merupakan ulama yang mempunyai ilmu pengetahuan Islam yang tinggi. Malah dalam kalangan ahli Mesyuarat Jemaah Negeri juga terdapat para ulama. *Mushir* tidak dibenarkan bertindak bersendirian atau membelaikan keputusan mesyuarat. Contoh tindakan *Mushir* yang tidak direstui oleh kerajaan Terengganu ialah apabila Mesyuarat Jemaah Negeri telah memutuskan anggaran belanjawan negeri Terengganu 1335 disediakan oleh satu komiti yang terdiri daripada *Mushir*, Tengku Ali bin Mustafa dan Haji Ngah. Tetapi *Mushir* telah membuat anggaran sendiri belanjawan tanpa di hadapan komiti yang dilantik. Hal ini menyebabkan Mesyuarat Jemaah Negeri memutuskan anggaran belanjawan tersebut disemak oleh Jumaah Menteri atau satu komiti terdiri daripada tiga orang yang dilantik, iaitu Tengku Embong, Tengku Chik dan Tuan Haji Ngah (Suk. Tr. 197/34 1335).

Pihak British mendapati pelantikan C.N. Maxwell sebagai *Mushir* atau *President of The State Council* sedikitpun tidak memberi keuntungan kepada pihak British. Kehadiran pegawai British ini dalam pentadbiran Terengganu tidak mampu mengubah atau mempertingkatkan pemerintahan Terengganu mengikut acuan British seperti yang mereka kehendaki. Pegawai British ini terpaksa tunduk dengan kehendak Sultan Zainal Abidin III dan para pembesarnya. Beliau pernah mengadu kepada ejen British, Humphreys bahawa semua cadangan yang diajukan kepada Kerajaan Terengganu masih belum dipersetujui semenjak pelantikannya pada bulan Disember 1916 (C.O. 273/445 1916). Perkara ini menunjukkan kejayaan siasah Sultan Zainal Abidin III dan pembesar Terengganu dalam mengendalikan ancaman penjajahan British di Terengganu. Pihak British gagal mempengaruhi Sultan Zainal Abidin III apabila baginda meminta pegawai British untuk dipinjamkan kepada Kerajaan Terengganu. Malah mereka tidak berjaya mengambil kesempatan untuk mengadakan pembaharuan dalam pentadbiran negeri

Terengganu mengikut acuan British melalui percubaan tersebut. Kerjasama antara C.N. Maxwell dengan Sultan dan pembesar Terengganu untuk memajukan negeri Terengganu mengikut acuan British pada masa hadapan (C.O. 840 1915) tidak berlaku seperti yang diharapkan.

Penamatan Khidmat C.N. Maxwell sebagai *Mushir*

Ketegasan Sultan Zainal Abidin III mempertahankan pendapat dan keputusan baginda dalam pemerintahan negeri jelas apabila baginda memberithu J.L. Humpreys bahawa terlalu banyak kesulitan yang menghalang baginda daripada menerima nasihat *Mushir* baginda, C.N. Maxwell. Baginda memberi arahan kepada pembesar negeri yang mengiringi Raja Muda Terengganu supaya menjelaskan kesukaran-kesukaran yang menyebabkan Kerajaan Terengganu tidak boleh menerima nasihat C.N. Maxwell kepada Pesuruhjaya Tinggi British (C.O. 273/459 1916). Semua ini menunjukkan Sultan Terengganu dan para pembesar tidak menerima nasihat pegawai British yang dipinjamkan kepada mereka secara membuta tuli. Justeru, pihak British mendapati kewujudan *Mushir* atau pegawai British di Terengganu tidak mampu membawa sebarang kemajuan dalam pentadbiran Terengganu. Impian Pesuruhjaya Tinggi untuk melihat pelantikan tersebut sebagai perintis kepada pelantikan lebih ramai pegawai British dalam pentadbiran Terengganu tidak kesampaian. Melihatkan perkara yang berlaku bukan seperti yang diharapkan, kontrak pinjaman C.N. Maxwell telah ditamatkan oleh pihak British pada 19 Februari 1917 (C.O. 840 1917).

Ketegasan Sultan Zainal Abidin III mempertahankan pendapat dan keputusan baginda dalam pemerintahan negeri jelas apabila baginda memberithu J.L. Humpreys bahawa terlalu banyak kesulitan yang menghalang baginda daripada menerima nasihat *Mushir* baginda, C.N. Maxwell. Baginda memberi arahan kepada pembesar negeri yang mengiringi Raja Muda Terengganu supaya menjelaskan kesukaran-kesukaran yang menyebabkan Kerajaan Terengganu tidak boleh menerima nasihat C.N. Maxwell kepada Pesuruhjaya Tinggi British (C.O. 273/459 1916). Semua ini menunjukkan Sultan Terengganu dan para pembesar tidak menerima nasihat pegawai British yang dipinjamkan kepada mereka secara membuta tuli. Justeru, pihak British mendapati kewujudan *Mushir* atau pegawai British di Terengganu tidak mampu membawa sebarang kemajuan dalam pentadbiran Terengganu. Impian Pesuruhjaya Tinggi untuk melihat pelantikan tersebut sebagai perintis kepada pelantikan lebih ramai pegawai British dalam pentadbiran Terengganu tidak kesampaian. Melihatkan perkara yang berlaku bukan seperti yang diharapkan, kontrak pinjaman C.N. Maxwell telah ditamatkan oleh pihak British pada 19 Februari 1917 (C.O. 840 1917).

Bagaimanapun, mengikut Haji Hitam bin Haji Ngah Muhammad, Sultan Zainal Abidin III memecat Maxwell kerana beliau melanggar peraturan negeri Terengganu (Abdullah Zakaria 1996). Allen (1968) pula menyifatkan Maxwell meletak jawatan dan beliau dihantar bertugas ke Perak selepas itu. Sir Arthur Young menjelaskan kedudukan C.N. Maxwell dalam Kerajaan Terengganu tidak mendatangkan kebaikan (C.O. 273/460 1917). Oleh kerana itu, pihak British berpendapat setelah lebih kurang tujuh tahun pihak British cuba membawa perubahan dalam pentadbiran Terengganu, sistem pentadbirannya masih ditakuk lama sehingga menyebabkan negeri Terengganu masih mundur dan terkebelakang berbanding negeri-negeri Melayu yang

lain (C.O. 840 1917). Tindakan pihak British untuk menguasai pemerintahan Terengganu dengan menempatkan *Mushir* yang diminta oleh Sultan Zainal Abidin III menemui kegagalan. Namun begitu, usaha Sultan Zainal Abidin berjaya melambatkan campur tangan British sekurang-kurang sehingga selepas kewafatan baginda pada tahun 1918.

Kesimpulan

Penempatan ejen British di Terengganu merupakan peluang bagi British untuk masuk ke dalam pentadbiran di Terengganu. Keberadaan ejen British memberi kesempatan kepada mereka untuk terlibat dalam pentadbiran dan memberi nasihat secara tidak langsung. Kehadiran ejen British juga menunjukkan ancaman campur tangan British ke atas pemerintahan Terengganu menjadi semakin serius. Sultan Zainal Abidin III dan para pembesar Terengganu mengambil langkah untuk menghindari campur tangan British. Antaranya mereka cuba menggunakan pendekatan yang dilakukan oleh Kerajaan Johor, iaitu dengan meminjam pegawai British berkhidmatan dengan Kerajaan Terengganu. Akhirnya, tindakan ini membawa pelantikan ejen British semasa menjadi *Mushir* Kerajaan Terengganu. Pihak Sultan dan pembesar Terengganu berharap dengan pelantikan *Mushir*, campur tangan British dapat dielakkan. Manakala pihak British melayani permintaan Sultan Zainal Abidin III dengan harapan (Suk. Tr., 2/1134 1334) boleh mempengaruhi atau menasihati Sultan untuk melaksanakan sistem British dalam pemerintahan Terengganu. Namun begitu, apabila pelantikan *Mushir* dalam pemerintahan Terengganu gagal mencapai hasrat atau kehendak pihak British, pelantikan tersebut ditamatkan. Pemerintahan Terengganu gagal dimajukan dan British meneruskan rancangan mereka untuk menguasai pemerintahan Terengganu melalui penempatan Penasihat British.

Rujukan

- Abdullah Zakaria Ghazali. 1996. *Terengganu: Tokoh, Pentadbiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Allen, J. de V. 1968. Sultan Zainal Abidin III, Possessor of Terengganu and all its districts. *Malaysia in History* 12(1): 3-15.
- al-Munjid fi al-Lughah wa al-'A'l'am*. 1986. Beirut: Dar al-Mashriq.
- C.O. 273/ 350, Sir John Anderson kepada Pejabat Tanah Jajahan, 27th May 1909.
- C.O. 273/ 425, Journal of the British Agent Trengganu June 1915.
- C.O. 273/350, Journal Of The British Agent Trengganu 11th July to 31st August 1909.
- C.O. 273/350, Surat Sir John Anderson kepada Sultan Zainal Abidin III, 7 July 1909.
- C.O. 273/350, Surat Sir John Anderson kepada W.L.Conlay, 10th July 1909.
- C.O. 273/360, Journal of the British Agent Terengganu December 1909.
- C.O. 273/361, Sir John Anderson kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, 27th April 1910.
- C.O. 273/362 , Journal of The British Agent Trengganu October 1910.
- C.O. 273/362, Journal of the British Agent, Trengganu for the period from the 18th April to the 31st May 1910.
- C.O. 273/411, Journal of the British Agent Trengganu July 1914.
- C.O. 273/428, Journal of the Brirish Agent Trengganu June 1915.

- C.O. 273/428, Journal of The British Agent Trengganu July, August and September 1915.;
C.O. 273/428, Sir Arthur Young kepada Pejabat Tanah Jajahan, 16th December 1915,
C.O. 273/428, Terjemahan Perjanjian Sultan Zainal Abidin III dengan C.N.Maxwell, 1 Safar
1334/9th December 1915
C.O. 273/444, Journal of the British Agent Trengganu December 1915.
C.O. 273/445, Journal of the British Agent Trengganu May 1916.
C.O. 273/459, Jurnal of the British Agent Trengganu October 1916
C.O. 840, The Annual Report of the British Agent Terengganu for the Year of 1915.
C.O. 840, The Annual Report of the British Agent, Terengganu For The Year 1917.
C.O. 273/460, Surat Arthur Young Kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 24 Ogos 1917.
Ermy Azziaty Rozali, Mohammad Hafiz Uthman & Napisah Karimah Ismail. 2020. Pengaruh
Kerajaan Uthmaniyyah dalam pentadbiran Islam di negeri Johor pada abad ke-19 oleh
Sultan Abu Bakar (1862-1895) dan Sultan Ibrahim (1895-1959). *BITARA International
Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 65-82.
- Hanif Md. Lateh. 2018. Model warisan ketatanegaraan Melayu Islam melalui *Itqan al-Muluk
bi Ta'dil al-Suluk*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human
Sciences* 1(1): 1-7.
- Madina, M.Z. 1973. *Arabic-English Dictionary of the Modern Literary Language*. New York:
Pocket Books, 1973.
- Mazhar, Muhammad Yasin. 1993. *Organisasi Kerajaan Pimpinan Rasulullah*. Terj. Khalil
Mohd. Zain & Md. Yunus Md. Said. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Samsudin. 2013. Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor: Sebuah karya
sejarah negeri Johor dalam zaman pentadbiran British. *Jebat: Malaysian Journal of
History, Politics and Strategic Studies* 40(2): 75-92.
- Nik Haslinda Nik Hussain. 2014. Undang-undang bagi diri Kerajaan Terengganu, 1911 dan
pengekalan status Melayu Islam Terengganu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia
Melayu* 7(1): 41-59.
- Suk. Tr. 197/1334, Estimate Negeri Terengganu 1335.
- Suk. Tr., 2/1334, Meminjam Seorang Inggeris Tuan Maxwell Menjadi Ahli Mesyuarat Negeri
Dan Ganti Tuan Hampers Jawatan British Agen Terengganu.
- Undang-undang bagi Diri Kerajaan Terengganu (UTNT). 1911. Jabatan Kehakiman Syariah
Terengganu | Laravel: <https://eqanun.terengganu.gov.my/enakmen> [9 Mei 2025].